

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, SELAKU PENGERUSI
BARISAN NASIONAL DAN PRESIDEN
UMNO MALAYSIA, DI MAJLIS
PERJUMPAAN MIC BAGI MENGINGATI
MENDIANG TAN SRI V. MANICKAVASAGAM,
DI PUSAT PANDU PUTRI, BRICKFIELD,
KUALA LUMPUR, PADA HARI AHAD,
9HB. MAC, 1980 - JAM 4.30 PETANG.

1. Yang Berhormat, Dato S. Samy Vellu,
Pemangku Presiden MIC,

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MIC,

2. Yang Berhorma, Ketua-Ketua Parti Komponen
Barisan Nasional.

3. Yang Berhormat, Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri.

4. Tuan-tuan Yang Terutama Duta-Duta,

5. Para hadirin sekalian.

Hampir lima bulan yang lalu, negara
kita bersugul kerana kematian secara mengejut
mendiang Tan Sri V. Manickavasagam. Harimau
mati meninggalkan belang; manusia mati meninggalkan
nama; dan budi yang baik, tetap dikenang.

2.

Hari ini, MIC mengadakan Majlis Perjumpaan bagi mengingati khidmat-bakti, jasa cemerlang, dedikasi dan kejujuran mendiang Tan Sri Manickavasagam.

2. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih, serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MIC, khususnya kepada Dato S. Samy Vellu, kerana memberi peluang kepada saya melahirkan perasaan sedih dan simpati. saya sendiri,serta menyampaikan ucapan takziah kepada MIC dan keluarga mendiang Tan Sri V. Manickavasagam.

3/-

3.

3. Sesungguhnya, kematian Tan Sri Manickavasagam adalah satu kehilangan yang besar bagi diri saya sendiri; saya kehilangan seorang sahabat karib dan seorang rakan politik. Memang banyak kata-kata manis dan penghormatan yang telah dilafazkan, mengenai mendiang Tan Sri Manickavasagam sejak peninggalannya ke alam baqa.

4. Sebagai seorang veteran politik yang paling lama berkhidmat dalam Jemaah Menteri Persekutuan, mendiang Tan Sri Manickavasagam,

4.

semasa hayatnya, telah banyak membuat jasa kepada kaumnya dan negaranya. Sumbangannya terhadap kebajikan dan kepentingan kaum pekerja, terutamanya mengenai pelaksanaan Sekim Keselamatan Sosial, telah membawa faedah yang berkesan. Demikianlah juga jasanya kepada badan-badan antarabangsa, seperti Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

5. Sebagai seorang pengasas MIC, salah seorang pelupur Perikatan dan Barisan Nasional, mendiang Tan Sri Manickavasagam telah banyak mengorbankan masa dan tenaga

5.

dalam usaha memelihara perpaduan kaum, serta mewujudkan toleransi dan persefahaman di kalangan rakyat. Seorang yang berhemah tinggi, berbudi bahasa dan bertimbangrasa, mendiang Tan Sri Manickavasagam sentiasa mengambil berat diatas kesulitan dan penderitaan rakyat.

6. Sesungguhnya, dengan kematian Tan Sri V. Manickavasagam, kita telah kehilangan seorang negarawan yang gigih, dan MIC, kehilangan seorang pemimpin yang aktif dan cergas.

6.

7. Dengan perasaan yang amat sedih,
saya menyampaikan takziah yang tidak terhingga
kepada MIC,dan juga kepada keluarga Tan Sri

V. Manickavasagam.



No Siri	471
No Penerimaan	161/80